

STPM Kertas 1 2018:

Soalan 2 Jawapan yang dicadangkan

(a) Tiga perbezaan antara susut nilai dengan pelunasan:

1. Susut nilai adalah untuk aset ketara, manakala pelunasan adalah untuk aset tak ketara.
2. Kaedah susut nilai adalah berbeza seperti kaedah garis lurus, baki berkurangan, unit pengeluaran serta jumlah angka tahunan dan dipilih mengikut pola penggunaan aset ketara dalam perniagaan. Kaedah pelunasan hanyalah satu, iaitu kaedah garis lurus.
3. Susut nilai boleh mengambil kira nilai sisa aset ketara pada akhir usia penggunaannya, manakala pelunasan dikira tanpa nilai sisa.

(b) (i) Kos perolehan:

1. Tanah
 $= 240,000 \times (75,000 / 250,000) = \text{RM}72,000$

2. Bangunan kilang
 $= (240,000 - 72,000) + 22,000 = \text{RM}190,000$

3. Kenderaan
 $= 119,500 + 1,200 + 500 = \text{RM}121,200$

Nota:

Mengikut definisi kos perolehan aset tetap, kos yang berkait secara langsung untuk membawa aset ke premis dan membuatnya beroperasi seperti dikehendaki oleh pihak pengurusan harus diambil kira sebagai sebahagian daripada kos aset. Dari perspektif ini, cukai jalan dan insurans semasa beli akan menjadi sebahagian daripada kos aset. Tetapi, garis panduan juga telah memberikan bahawa jika ada komponen yang usia gunanya adalah berbeza dan kosnya boleh diasingkan tanpa proses yang sukar, maka komponen itu harus diasingkan. Cara ini lebih mematuhi ciri perwakilan benar yang dinyatakan dalam rangka kerja konseptual perakaunan. Berdasarkan garis panduan ini, insurans dan cukai jalan dikirakan sebagai belanja hasil.

4. Perisian komputer
 $= 125,000 + 5,000 = \text{RM}130,000$

(ii) Catatan jurnal:

Tarikh	Butir	Debit	Kredit
2017		RM	RM
(1)	Sekuriti boleh pasar Tunai / Bank (Merekod belian pelaburan saham)	14,280	14,280
(2)	Perisian komputer Belanja lesen tahunan Belanja latihan pekerja Peralatan komputer Tunai / Bank (Merekod perolehan perisian dan peralatan komputer)	130,000 25,000 6,000 11,000 172,000	

(3)	Tanah Bangunan Tunai / Bank (Merekod belian tanah dan bangunan serta kos pengubahsuaian bangunan)	72,000 190,000	262,000
(4)	Kenderaan Belanja insurans kenderaan Belanja cukai jalan Tunai / Bank (Merekod belian mesin, termasuk kos-kos langsung berkaitan)	121,200 2,300 900	124,400
(5)	Paten Tunai / Bank (Merekod belian paten secara tunai)	45,000	45,000

(iii) Belanja susut nilai dan belanja pelunasan:

$$\text{Bangunan} = (190,000 \times (100\% - 10\%)) \times 5\% = \text{RM}8,550$$

$$\text{Kenderaan} = (121,200 \times (100\% - 5\%)) \times 10\% = \text{RM}11,514$$

$$\text{Paten} = 45,000 / 5 = \text{RM}9,000$$